

Praktis 6

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Puan Maria menghidangkan makanan di atas meja _____ menunggu suaminya pulang dari pejabat.
A dan C walaupun
B namun D sementara
- 2 Tayar kereta Cikgu Salim _____ kerana tercucuk paku semasa dalam perjalanan ke sekolah.
A susut C bengkok
B kempis D tercabut

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Zakiah gemar *mengarang* cerpen untuk mengisi masa lapangnya.
II Ibu *mengarang* sejambak bunga untuk dijadikan hiasan.
III Pemilik syarikat itu *mengarang* cerita untuk menjatuhkan pesaingnya.
IV Amsyar dilantik sebagai ketua *mengarang* majalah sekolahnya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I *Mengambil* makanan yang tinggi serat akan membantu pencernaan.
II Datuk Razali *mengambil* seorang pemandu peribadi.
III Qaisarah *mengambil* peluang untuk makan angin ke luar negara.
IV Encik Qaisy dan Puan Maisarah amat *mengambil* berat akan pelajaran anak mereka.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Kami berharap agar bantuan yang disumbangkan oleh kami kepada mangsa bencana itu dapat meringankan beban mereka.
A kami sumbangkan
B kami menyumbang
C disumbangkan kami
D disumbangkan oleh kami
- 6 Baju kurung yang mereka pakai itu dibuat dari kain sutera.
A mereka pakai itu dibuat daripada
B mereka pakai itu diperbuat dari
C dipakai oleh mereka itu dibuat daripada
D mereka pakai itu dibuat dari

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Beraneka jenis kuih-muih tradisional Melayu telah ibu hidangkan kepada tetamu.
II Atlit itu tidak dapat berlari dengan lancarnya kerana halangan angin yang bertiup kencang.
III Media massa sering menguar-uarkan masalah sosial dalam kalangan remaja.
IV Kaunter itu ditutup pada waktu rehat dan segala pertanyaan tidak akan dilayan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 8 I Mereka akan meneliti cadangan untuk membina kilang itu sebelum mengemukakannya kepada pihak atasan.
II "Pakailah kasut yang sesuai dengan kaki kamu supaya kamu selesa," kata Puan Azura kepada anaknya.

- III Semua peserta yang menyertai perarakan Maulidur Rasul diminta untuk beratur di perkarangan dewan.
- IV Pesawat daripada Beijing telah selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Hakisan tanah di ladang getah dan kelapa sawit dapat dielakkan dengan menanam tanaman tutup bumi.
- A Tanaman tutup bumi ditanam di ladang getah dan kelapa sawit untuk mengelakkan hakisan tanah.
B Kelapa sawit dan getah perlu ditanam di ladang tanaman tutup bumi bagi menghalang hakisan tanah.
C Hakisan tanah di ladang getah dan tanaman tutup bumi dapat dielakkan dengan tanaman kelapa sawit.
D Tanaman tutup bumi yang ditanam di ladang getah dan kelapa sawit dapat mengelakkan hakisan tanah.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri

- 10 Peribahasa di atas bermaksud
- A sanggup berkorban masa dan tenaga untuk mendidik anak murid
B kerjasama yang erat antara masyarakat membawa kebaikan bersama
C memilih sesuatu hendaklah berhati-hati, jangan sampai terbuang benda yang berguna
D walau bagaimana baik pun tempat atau negara lain, tempat atau negara sendiri lebih baik dan selesa

Soalan Tambahan

Soalan 1

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 1 I Mamat menjamah makanannya dengan kasar kerana dia lapar.
II Encik Flamdian mengira keuntungan kasar untuk bulan Januari.
III Lawak kasar itu mendapat kecaman penonton.
IV Sudah hampir lima tahun Bambang bekerja sebagai buruh kasar di Malaysia.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 2

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 2 Solihin menunggu rakannya di perhentian bas itu daripada pukul 5:00 petang hingga pukul 8:00 malam.
- A di pukul 5:00 petang
B dari pukul 5:00 petang
C pada pukul 5:00 petang
D daripada pukul 500 petang

Soalan 3

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 3 I Tugasan ini akan kami selesaikan pada hari ini.
II Temasya sukan itu akan bermula tidak lama lagi.
III Peniaga di kedai elektrik itu memberikan kemudahan pada pelanggan yang ingin membayar secara ansuran.
IV Para pengguna-pengguna jalan raya perlu mematuhi peraturan dan undang-undang.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja